

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN  
HAJI IBRAHIM [ KUALA SELANGOR ]**

**TARIKH : 25.11.2014**

**SOALAN :**

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [ Kuala Selangor ] minta  
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) sejauh manakah sistem pentaksiran berasaskan sekolah dapat membantu pencapaian keberhasilan utama seperti yang digariskan dalam PPPM 2013-2025 iaitu pencapaian Malaysia pada kedudukan negara sepertiga teratas dalam Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Pentaksiran Murid Antarabangsa (PISA); dan
- (b) sejauh manakah kebocoran kertas peperiksaan UPSR boleh menjejaskan sistem pendidikan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Keupayaan untuk menjawab soalan Trend Pendidikan Matematik dan Sains Antarabangsa (TIMSS) dan Program Pentaksiran Murid Antarabangsa (PISA) memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid. Kaedah pembelajaran konvensional (*rote learning*) yang diamalkan sekarang sudah tidak lagi sesuai dan

relevan pada masa kini. Oleh itu, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dianggap sebagai penyelesaian terbaik kerana boleh mengukuhkan domain isi kandungan serta domain kemahiran murid. PBS merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik iaitu menilai aspek kognitif, afektif, psikomotor dan sosial selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang memberi penekanan kepada aspek, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI).

Selain itu, PBS merupakan sistem pentaksiran yang akan digunakan bagi menjamin pencapaian seseorang murid tidak hanya dinilai berasaskan peperiksaan semata-mata. Terdapat empat komponen utama pentaksiran yang dilakukan oleh guru di sekolah iaitu pentaksiran Psikometerik (Ppsi), pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK), Pentaksiran Sekolah (PS) dan Pentaksiran Pusat. Kesemua komponen tersebut mampu membangunkan pengetahuan, kemahiran dan nilai murid ke arah kemahiran berfikir aras tinggi seperti yang di sarankan di dalam PPPM 2013-2025.

- (b) Kejadian kebocoran kertas peperiksaan UPSR amat mendukacitakan semua pihak, dan pihak KPM telah membuat dua laporan polis supaya satu siasatan menyeluruh dapat dilakukan dengan serta merta. Kementerian yakin pihak berkuasa akan dapat merungkai bagaimana dan punca berlakunya kebocoran kertas peperiksaan UPSR tersebut dan mengambil tindakan sewajarnya mengikut lunas perundangan sedia ada.